

Pesisir pantai Queens Bay pula bakal lenyap?

■ PULAU PINANG 21 FEB.

SEBAHAGIAN kawasan pesisir pantai Queens Bay di sini, yang selama ini menjadi antara lokasi popular orang ramai beriadah berkemungkinan akan lenyap akibat ditambah.

Kebimbangan itu tercetus setelah sebahagian kawasan pesisir pantai itu yang sebelum ini sering menjadi tumpuan orang ramai ditutup secara tiba-tiba.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan itu juga mendapati, sebahagian kawasan lain di pesisir pantai tersebut turut ditanda dengan boya yang dipasang merintangi kawasan laut.

Rata-rata orang awam yang ditemui pula menyatakan rasa terkejut dengan keadaan itu memandangkan projek menambak laut melibatkan pesisir pantai berkenaan sebelum ini telah diumumkan batal oleh kerajaan negeri.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai **Yap** berkata, dia terkejut melihat sebuah kapal pengorek pasir berada di kawasan pantai berkenaan sedangkan tiada sebarang pemberitahuan mengenai apa-apa projek dilakukan mana-mana pihak.

"Saya dan penduduk di sini bertanya-tanya mengapa kapal terbabit berada di kawasan ini, namun belum sempat mencari jawapan berhubung kapal itu, tiba-tiba sebahagian kawasan pantai telah pun ditutup.

"Penduduk tidak akan pernah

MUKADIMAH

BELUM pun reda kemarahan penduduk terhadap hasrat Kerajaan DAP Pulau Pinang menambak laut di Permatang

Damar Laut, satu lagi kawasan pesisir pantai di negeri ini kini dikatakan berdepan ancaman serupa.

Lebih malang, kawasan yang dimaksudkan iaitu pesisir pantai Queens Bay di Bayan Baru, merupakan lokasi yang padat dengan penduduk selain salah satu pusat tumpuan orang ramai untuk beriadah kerana keindahan pemandangan lautnya.

Namun, penduduk dan pengunjung di kawasan itu mula dihimpit kebimbangan selepas wujudnya aktiviti seolah kerja-kerja tebus guna tanah tanpa sebarang maklumat daripada mana-mana pihak.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **AZHARI ZAINOODDIN** meninjau apa sebenarnya yang sedang berlaku di pesisir pantai itu sehingga sebahagian kawasannya ditutup manakala sebahagian lagi ditandakan dengan boya.

bersetuju dengan projek menambak laut di kawasan ini kerana tiada sebarang pendengaran awam khususnya membabitkan kajian penting seperti impak alam sekitar (EIA) didedahkan kepada penduduk," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Sementara itu, pekerja kilang, **Ahmad Fauzi Elias**, 37, melahirkan rasa sedih sekiranya kawasan pesisir pantai tersebut mahu ditambak kerana bakal mencacatkan pemandangan

LAPORAN KHAS



indah di lokasi berkenaan.

"Kenapa semua kawasan pantai hendak ditambak? Kami sudah hilang kawasan pesisir pantai di sekitar Sungai Glugor dan Jelutong yang dulu menjadi antara tempat beriadah.

"Pantai Seagate juga telah hilang setelah projek jejambat menghubungkan Jabatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah mula dibina, sekarang Queens Bay pula mahu ditambak," katanya.



Penduduk tidak akan pernah bersetuju dengan projek menambak laut di kawasan ini kerana tiada sebarang pendengaran awam khususnya membabitkan kajian penting seperti impak alam sekitar (EIA) didedahkan kepada penduduk."

YAP

Penduduk

Selain itu, seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai **Wong** pula melahirkan rasa hairan kerana projek di pesisir pantai tersebut seolah-olah cuba dijalankan secara senyap-senyap.

"Tiba-tiba sahaja terus pasang pagar, boya dan tutup kawasan pantai ini sedangkan kami tidak dimaklumkan apa-apa.

"Apakah ada pihak-pihak tertentu yang mendapat keistimewaan sehingga projek yang telah diumumkan batal ini mahu dibangunkan semula tanpa berunding atau memberi maklum kepada penduduk," katanya.

Kerajaan negeri luluskan projek secara senyap?

PULAU PINANG 21 Feb. - Kerja-kerja awal membabitkan tebus guna tanah di sekitar kawasan perairan di Pantai Bayan Bay termasuk Pantai Queens Bay di sini, seolah-olah telah bermula sebelum pemberitahuan projek tersebut dibuat Ketua Menteri, Lim Guan Eng dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada November tahun lalu.

Setiausaha Gerakan negeri, Oh Tong Kiong berkata, pihaknya hairan memandangkan papan notis projek itu mencatatkan kerja-kerja tebus guna tanah di kawasan berkenaan diluluskan pada Mei tahun lalu.

Sedangkan kata beliau, pemberitahuan mengenai projek itu pula dibuat pada November lalu.

Berikutan percanggahan itu, jelasnya, timbul persoalan dalam kalangan penduduk dan rakyat negeri ini berhubung status sebenar projek tambak laut terbabit memandangkan sehingga kini mereka memaklumkan langsung tidak diberitahu berhubung projek berkenaan.

"Apakah dari mula kelulusan diberi pada Mei tahun lalu, projek ini sebenarnya telah dijalankan secara senyap sebelum pemberitahuan dibuat Ketua Menteri ketika sidang

DUN enam bulan selepas itu?

"Tidakkah kerja-kerja tebus guna tanah ini seolah-olah dibuat secara senyap sekali gus mengeksploitasi hak rakyat untuk mengetahui berhubung projek ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam masa sama, beliau mempersoalkan tindakan kerajaan negeri meneruskan projek itu tanpa pemberitahuan awal yang seolah-olah memberi keistimewaan kepada pemaju terlibat.

Sehubungan itu, beliau mendesak kerajaan negeri berterus terang dengan penduduk mengenai status sebenar projek tersebut dan tidak sesekali mengelak kebimbangan yang dibangkitkan mereka.

Malah, katanya, projek itu sebelum ini juga pernah dibantah penduduk dan Guan Eng sendiri telah mengumumkan pembatalannya sebelum pilihan raya umum lalu.

"Jadi mengapa setelah lebih dua tahun, projek ini tiba-tiba hendak dibangunkan semula dan seolah-olah diluluskan secara senyap?

"Apa yang ditakutkan kerajaan negeri sehingga tidak berani mendedahkan perjanjian projek ini kepada rakyat," katanya.